

TEKS UCAPAN

BRIG JEN DATUK PROF DR KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR UniMAP

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN

PROGRAM BERBASIKAL JELAJAH KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA

PERLIS (UniMAP)

PADA 7 MAC 2014

DI KOLEJ KEDIAMAN TUNKU ABDUL RAHMAN

KAMPUS PAUH PUTRA

SALUTASI

Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan P. Panchanathan, Timbalan Menteri II, Kementerian Pendidikan Malaysia,

Yang Berbahagia, Dr Hayati Ismail, Pengurus Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU), Kementerian Pendidikan Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Delegasi-delegasi dari Kementerian Pendidikan Malaysia,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Yang Berusaha Prof. Madya Razli Bin Ahmad, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni,

Wakil – wakil Media, Anak-anak pelajar yang saya kasihi
Seterusnya hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam 1Malaysia, Salam Ilmu Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, maka kita dapat bersama-sama pada petang yang harmoni ini dalam **Program Berbasikal Jelajah Kampus Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)** yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan, Timbalan Menteri II, Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Saya mewakili seluruh warga universiti amat terharu dan berterima kasih kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sudi datang ke Kampus Induk UniMAP di Pauh Putra ini. Berikan tepukan gemuruh kepada YB Timbalan Menteri. Sesungguhnya sokongan yang diberikan ini amat besar ertinya buat kami warga UniMAP.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri program pada hari ini adalah bertujuan untuk bagi memberi galakan kepada para pelajar supaya lebih aktif, cergas serta mengamalkan gaya hidup sihat melalui bersukan khususnya berbasikal. Di samping itu, aktiviti ini dapat membantu mereka mengekalkan prestasi akademik. Program ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada para pelajar tentang penjagaan kesihatan diri dan juga alam sekitar.

4. UniMAP sentiasa mengenalpasti dan berusaha untuk menyediakan ekosistem serta kemudahan yang terbaik kepada para pelajar. Pelajar bukan sahaja diberi perhatian ketika sesi akademik atau kuliah, malah turut diberi perhatian di peringkat kolej kediaman dengan pelbagai pengisian yang berfaedah. Justeru itu masa mereka di kolej kediaman tidak akan terbuang begitu sahaja dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah.
5. Di sini ingin saya kongsikan beberapa aktiviti yang dilaksanakan di peringkat kolej kediaman;
 - a. Kemudahan Gym kepada para pelajar dan staf.
 - b. Penganjuran Sukan antara kolej kediaman
 - c. Penganjuran Pertandingan Battle of the Band
 - d. Penganjuran Pertandingan debat dan lain-lain lagi
6. Selain itu, kearah merealisasikan UniMAP sebagai sebuah “Kampus Hijau”, program **“U-Sikal”** telah diperkenalkan di UniMAP. Program ini secara tidak langsung menggalakkan warga UniMAP mengamalkan gaya hidup sihat. Basikal tersebut boleh disewa untuk digunakan didalam kampus Pauh Putra ini. Program yang dikelolakan oleh UniMAP Holdings Sdn. Bhd. ini secara tidak langsung akan menjadikan kampus ini lebih mesra alam.

Yang Berhormat Timbalan Menteri dan hadirin sekalian,

KEJAYAAN UniMAP 2014

7. Alhamdulillah, Tahun 2013 adalah tahun kecemerlangan UniMAP. Walaupun baru 11 tahun penubuhan pelbagai kejayaan dan pengiktirafan samada diperingkat tempatan mahupun antarabangsa berjaya diraih.

8. Dan tahun ini adalah tahun ke 12 penubuhan UniMAP. Walaupun baru melangkah ke tahun 2014 pelbagai kejayaan telah pun diraih. Terkini UniMAP muncul johan keseluruhan apabila berjaya meraih 15 pingat emas pada Malaysia Technology Expo (MTE) 2014 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). UniMAP juga turut meraih 11 perak dan 8 gangsa dari 35 produk yang dipertandingkan sekaligus memingkatkan prestasi UniMAP berbanding pada MTE 2013 yang meraih 7 emas, 10 perak dan 10 gangsa dari 27 produk.
9. Pada Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 yang dilangsungkan baru-baru ini UniMAP berjaya menempatkan diri di tangga keempat keseluruhan dengan pungutan 15 pingat emas, enam pingat perak dan lapan pingat gangsa.
10. Sementara itu, UniMAP juga telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Kelulusan Pensijilan Tertinggi program 1 CiTiZEN anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Prestariang Sdn. Bhd. selepas mengekalkan peratusan tertinggi selama dua tahun berturut-turut. UniMAP mendapat peratusan kelulusan pensijilan tertinggi sebanyak 85%, menewaskan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ditempat kedua dengan 78% dan Universiti Sains Malaysia (USM) di tempat ketiga dengan 77%.
- 11.

PENGANJURAN PROGRAM PERINGKAT ANTARABANGSA

12. Untuk makluman Dato' Seri, pada awal Oktober lalu satu lagi sejarah tercipta apabila buat julung kalinya UniMAP menjadi tuan rumah penganjuran **Asian University Presidents Forum (AUPF) 2013** yang berjaya menghimpunkan **117 presiden dan wakil -wakil presiden universiti di Asia.**

13. Pada awal November lalu **Kejohanan Woodball Universiti Asia** telah berjaya dianjurkan dan akan menyusul pula penganjuran **Kejohanan Woodball Universiti Dunia** pada Oktober ini.
14. Selain itu, pada Jun ini, UniMAP juga bakal menjadi tuan rumah penganjuran **The 4th International Malaysia - Ireland Joint Symposium on Engineering, Science & Business (IMiEJS 2014)**. Penganjuran symposium ini adalah bergilir hasil kerjasama UniMAP dengan Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland.
15. Pada tahun ini juga UniMAP akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran kali ketiga **Asia Summer Program (ASP) 2014** Ogos ini. Program ini adalah kerjasama dari lima buah Negara iaitu Korea, Jepun, Thailand dan Indonesia termasuk Malaysia menyertai. Program ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai potensi yang dimiliki oleh negara-negara Asia selain membuka ruang bagi komunikasi silang budaya. Dijangkakan lebih 50 universiti yang melibatkan 400 pelajar dari 30 negara akan menyertainya.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

16. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Yang Berhormat Timbalan Menteri serta delegasi dari Kementerian Pendidikan Malaysia di atas kesudian untuk hadir ke UniMAP ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.